

# PruBSN Gadai Janji dan Takaful Rumahku

Lindungi aset paling bernilai keluarga anda

Perlindungan takaful yang anda perlukan pada sumbangan yang berpatutan

UNTUK KAKITANGAN  
KERAJAAN

Panel Bahagian Pinjaman Perumahan  
Perbendaharaan Malaysia

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL

*Kami memahami, kami prihatin.*

# KONSEP TAKAFUL

Takaful adalah satu konsep saling membantu yang berlandaskan prinsip-prinsip perkongsian tanggungjawab, kerjasama dan kepentingan bersama. Setiap ahli yang dilindungi akan menyumbang berdasarkan kepada Tabarru' (derma) ke dalam dana yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain apabila diperlukan.



## Keluarga anda memerlukan perlindungan anda

Anda merupakan tulang keluarga anda dan sebagai tempat bergantung, anda berusaha menyediakan segala keperluan untuk mereka yang anda sayangi.

Untuk menyediakan tempat berteduh bukanlah sesuatu yang mudah. Anda berusaha setiap hari sehingga anda berjaya memiliki sebuah rumah untuk keluarga bahagia anda.

Dengan bantuan pinjaman dari Bahagian Pinjaman Perumahan, tercapailah impian anda untuk menyediakan sebuah rumah yang dimiliki sendiri untuk keluarga yang tersayang.

Namun tiada siapa yang dapat meramal apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Bagaimanakah jika anda tidak dapat meneruskan pembayaran pinjaman perumahan tersebut atas sebab-sebab kehilangan upaya atau kematian? Sanggupkah anda melihat mereka yang anda sayangi kehilangan tempat berlindung?

## PruBSN Gadai Janji

PruBSN Gadai Janji dapat membantu mengelakkan rumah keluarga anda daripada ditarik balik sekiranya anda tidak dapat meneruskan pembayaran balik pinjaman atas sebab-sebab kehilangan upaya atau kematian.

Selain daripada itu, PruBSN Gadai Janji juga membolehkan anda berkongsi sebarang keuntungan pelaburan, jika ada.

PruBSN Gadai Janji – satu pelan untuk melindungi hak milik kediaman keluarga anda.

## Bagaimana PruBSN Gadai Janji membantu anda

<b>Manfaat kematian akibat penyakit dan kemalangan</b>	Manfaat ini akan melangsaikan pinjaman perumahan anda sekiranya anda meninggal dunia akibat kemalangan atau penyakit
<b>Manfaat hilang upaya kekal dan menyeluruh akibat penyakit dan kemalangan</b>	Manfaat ini akan: <ul style="list-style-type: none"><li>• melangsaikan pinjaman perumahan anda sekiranya anda hilang upaya kekal dan menyeluruh sebelum mencapai umur 65 tahun</li><li>• menawarkan bayaran perubatan RM1,000 untuk anda</li></ul>
<b>Manfaat khairat kematian</b>	Manfaat ini menyediakan bantuan kewangan berjumlah: <ul style="list-style-type: none"><li>• RM1,000 jika peminjam meninggal dunia, atau</li><li>• RM1,000 jika pasangan peminjam meninggal dunia, atau</li><li>• RM500 jika anak peminjam meninggal dunia (maksimum dua orang anak di bawah umur 20 tahun pada tarikh lahir yang terhampir)</li></ul>
<b>Manfaat serahan awal</b>	Manfaat ini membolehkan anda untuk mendapat sejumlah wang yang terkumpul dari akaun anda apabila anda melangsaikan pinjaman perumahan anda lebih awal
<b>Manfaat kematangan</b>	Manfaat ini membolehkan anda untuk mendapat sejumlah wang yang terkumpul dari akaun anda apabila tamat tempoh pinjaman
<b>Penerimaan automatik</b>	Kami menerima penyertaan sehingga usia 60 tahun tanpa sebarang pemeriksaan perubatan atau pengakuan kesihatan
<b>Proses yang mudah dan pantas untuk tuntutan khairat kematian</b>	Anda hanya perlu mengemukakan sijil kematian yang disahkan kepada kami. Tempoh pembayaran tuntutan adalah dalam jangka masa 24 jam setelah menerima sijil kematian atau permit pengkuburan

## Takaful Rumahku

Takaful Rumahku melindungi mahligai kediaman untuk memberi anda ketenangan hidup.

Kami menawarkan perlindungan menyeluruh yang merangkumi perlindungan untuk rumah anda serta perlindungan tanggungan terhadap orang awam.

Jika rumah anda ditimpa musibah dan tidak dapat didiami dalam masa tertentu, Takaful Rumahku akan membiayai kos kerugian sewa atau penyewaan tempat tinggal sementara yang difikirkan sesuai untuk anda dan keluarga semasa rumah tersebut dibaik pulih.

Takaful Rumahku membantu anda untuk mendapatkan ganti rugi dari musibah-musibah berikut:

1. Kebakaran, kilat, petir dan kebakaran bawah tanah
2. Letupan tong gas domestik
3. Kerosakan akibat dari pesawat udara dan objek-objek yang gugur darinya, pelanggaran oleh kenderaan jalanraya atau binatang bukan kepunyaan atau kawalan ahli dan keluarga
4. Pecahan atau limpahan tangki air, peralatan atau paip kecuali:
  - untuk RM50 yang pertama
  - jika berlaku semasa rumah anda tidak dihuni
  - kerosakan tangki, peralatan atau paip itu sendiri
5. Kerosakan akibat pencerobohan, kecurian yang disertai dengan menggunakan kekerasan untuk masuk dan keluar dari bangunan
6. Angin ribut, siklon, taufan dan hujan ribut kecuali kerosakan bidai dan senguap, gempa bumi, letupan gunung berapi dan banjir
7. Kerugian sewa atau perbelanjaan yang difikirkan sesuai untuk menyewa tempat tinggal sementara semasa rumah dibaik pulih
8. Tanggungan awam (public liability) ke atas harta benda dan kecederaan anggota badan pihak ketiga tidak melebihi RM50,000 akibat kemalangan di dalam kawasan rumah

## Bagaimana PruBSN Gadai Janji dan Takaful Rumahku dilaksanakan

PruBSN Gadai Janji dan Takaful Rumahku adalah berlandaskan model Wakalah Mudharabah yang mana kami memasukkan sumbangan anda ke dalam akaun anda setelah kami mengambil sebahagian daripadanya sebagai caj Wakalah. Ini merupakan yuran bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang kami sediakan. Mudharabah membolehkan anda berkongsi sebarang keuntungan pelaburan daripada akaun anda dan dana Tabarru'. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan tersebut manakala kami pula akan menerima 20% daripadanya. Bahagian anda akan dimasukkan semula ke dalam akaun anda dan dana Tabarru'.

Perlindungan takaful datang dari Tabarru' (derma) yang kami masukkan ke dalam dana Tabarru'. Sebarang lebihan\* dari dana Tabarru' akan dikembalikan kepada anda setelah kami mengasingkan satu jumlah sebagai rizab luar jangka.

\* Termasuk lebihan pengunderaitan dan perkongsian anda di dalam keuntungan pelaburan dana Tabarru'.

## Apakah yang tidak dilindungi di bawah PruBSN Gadaai Janji dan Takaful Rumahku?

PruBSN Gadaai Janji tidak melindungi situasi-situasi berikut. Sekiranya salah satu daripada situasi berikut berlaku, manfaat-manfaat yang ditawarkan di bawah pelan ini tidak akan dibayar kepada anda.

Jika kematian berlaku akibat daripada:

- tindakan membunuh diri di dalam tempoh setahun dari tarikh permulaan sijil
- AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) akibat daripada aktiviti tidak bermoral
- penyakit yang berkaitan dengan aktiviti seksual yang bercanggah dengan moral

Jika hilang upaya menyeluruh dan kekal terjadi akibat:

- percubaan membunuh diri dan kecederaan akibat perbuatan sendiri
- menyertai operasi ketenteraan
- memasuki, mengendali, menyelenggara atau turun dari sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan di dalam penerbangan komersial
- jangkitan HIV atau AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual
- kecederaan akibat pengaruh alkohol atau dadah
- mengambil bahagian di dalam sebarang rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah
- terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pengganas dan keganasan

Takaful Rumahku tidak melindungi kerosakan atau kerugian rumah anda yang disebabkan oleh keadaan berikut.

- Peperangan, pemberontakan atau rusuhan
- Arahan pengambilalihan atau pemusnahan di atas perintah kerajaan atau pihak berkuasa tempatan
- Kebakaran spontan yang disebabkan oleh kepanasan semulajadi atau disebabkan oleh sebarang proses pemanasan atau pengeringan
- Angin ribut, siklon, taufan dan hujan ribut semasa bangunan di dalam pembinaan semula, kerja baik pulih dan ke atas kelengkapan rumah seperti bidai dan sengkuaip
- Pancaran ion atau bahan nuklear yang menyebabkan pencemaran radioaktif
- Pemendapan tanah dan tanah runtuh

## Tentang Prudential BSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) adalah gabungan dua nama besar di dalam industri kewangan. Prudential Holdings (Prudential) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) telah memberi kesan berterusan kepada ekonomi negara selama lebih dari 30 tahun. Usahasama ini termeterai setelah mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai sebuah syarikat pengendali Takaful yang berdaftar.

Ditubuhkan dalam tahun 1848, Prudential membuka langkah sebagai sebuah syarikat yang membekalkan insurans hayat dan persaraan yang utama. Kini, ia merupakan salah satu dari sumber perkhidmatan kewangan yang terbesar di dunia. Melalui 'Prudential Assurance', jenama Prudential telah bertapak di Malaysia menjangkau 80 tahun. BSN, yang dilancarkan pada tahun 1974, mempunyai jumlah pelanggan melebihi 9 juta, dan mempunyai seramai 5,100 pekerja di hampir 400 cawangan di seluruh negara. Ia merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kewangan.

Usahasama ini memperlengkap satu struktur yang kukuh bagi PruBSN dari segi kekuatan saluran pemasaran agensi 'Prudential Assurance' dan juga keupayaan sektor korporat BSN yang hebat. Kekukuhan kedua-dua syarikat ini telah mewujudkan peluang yang luas untuk PruBSN melonjakkan pembangunan industri Takaful di Malaysia.

Moto PruBSN, memahami dan prihatin, terlaksana melebihi transaksi harian ataupun penglibatan komersial. Ia merupakan sebab utama mengapa kami beroperasi sedemikian. Kami melakukannya untuk pelbagai kelebihan yang boleh berlaku pada hari esok. Kerana itulah, 'Kami Memahami, Kami Prihatin'.

## Soalan lazim

### Siapakah yang boleh menyertai PruBSN Gadai Janji dan Takaful Rumahku?

Sesiapa sahaja yang berumur dari 19 tahun sehingga 60 tahun boleh menyertai kedua-dua pelan ini jika anda mengambil pinjaman perumahan dari Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia.

### Apakah syarat-syarat pinjaman perumahan?

- Warganegara Malaysia
- Sedang berkhidmat dan berjawatan tetap
- Berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun
- Telah disahkan dalam jawatan
- Bukan seorang yang bankrap/berhutang hukuman/tidak berkemampuan/ dalam tindakan tatatertib
- Borang permohonan didaftarkan selewat-lewatnya 6 bulan sebelum bersara/ tamat perkhidmatan

### Berapakah jumlah sumbangan untuk PruBSN Gadai Janji dan Takaful Rumahku?

Jumlah sumbangan untuk kedua-dua pelan ini adalah bergantung kepada usia, jantina, jumlah dan tempoh perlindungan yang anda pilih. Sila layari [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) untuk mendapatkan sebut harga sumbangan untuk perlindungan anda.

### Apakah Piawaian Perkhidmatan Pelanggan PruBSN?

Perkhidmatan pelanggan PruBSN adalah menepati tahap piawaian yang disarankan oleh kerajaan berdasarkan kepada:

- Pengeluaran surat penerimaan – tidak lebih dari tiga (3) hari bekerja setelah menerima dokumen lengkap
- Pembayaran tuntutan khairat kematian – dalam tempoh 24 jam setelah menerima sijil kematian atau permit penguburan
- Pembayaran tuntutan – tidak lebih dari tujuh (7) hari bekerja setelah menerima dokumen lengkap
- Prosedur kami adalah berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak BPP
- Pelan ini direka khas untuk kakitangan kerajaan sahaja

### Apakah perlindungan gadai janji dapat menyelesaikan baki hutang sepenuhnya jika peminjam meninggal dunia atau hilang upaya kekal?

Ya, baki pinjaman akan diselesaikan dengan syarat, tiada berlaku tunggakan ke atas pinjaman tersebut.

### Apakah perlindungan tambahan di bawah manfaat hilang upaya kekal dan menyeluruh?

- Syarikat juga akan mempertimbangkan pembayaran manfaat ini jika peminjam dibersarakan akibat penyakit atau kemalangan melalui arahan bertulis dari Laporan Lembaga Panel Perubatan yang diiktiraf mengikut syarat-syarat di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Malahan, Syarikat telah memutuskan akan mempertimbangkan tuntutan ke atas peminjam yang menghadapi gangguan mental (gila) dengan syarat dibersarakan atas sebab-sebab kesihatan dengan kelulusan Lembaga Perubatan Kerajaan yang ditauliahkan.

### Nota-nota Penting:

Risalah ini tidak membentuk satu kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen sijil untuk maklumat terperinci.


- Pulangan daripada akaun anda tidak dijamin dan akan ditentukan berdasarkan prestasi sebenar.
- Risiko pelaburan akaun anda akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaat-manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dimasukkan ke dalam akaun.
- PruBSN Gadai Janji dan Takaful Rumahku tidak menyediakan sebarang jumlah manfaat daripada dana Tabarru' pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.

Lindungi hak milik dan kediaman keluarga anda hari ini. Dapatkan perlindungan yang terbaik dari kami. Sila layari [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) untuk maklumat lanjut.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Bagi maklumat lanjut atau pertanyaan, sila hubungi:



PruBSN Gadai Janji dan Takaful Rumahku adalah produk yang berasaskan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut/pertanyaan sila hubungi:

**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD** (740651-H)

Tingkat 8A, Menara Prudential, No. 10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: 03 2053 7188 Faks: 03 2072 6188 Emel: customer@prubsn.com.my

Anda juga boleh melayari [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

**Penting:** Risalah ini merupakan huraian ringkas sahaja. Untuk butiran lengkap seperti terma dan syarat terperinci, sila rujuk kepada dokumen sijil.

**Penafian:**

- Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
- Jika anda membatalkan sijil ini pada tahun – tahun awal, anda mungkin tidak akan menerima jumlah penuh dari amaun yang telah anda sumbangkan.
- Jika sijil dipulangkan dalam 15 hari tempoh rujukan percuma, sumbangan penuh akan dipulangkan setelah ditolak perbelanjaan perubatan yang telah ditanggung.